

# **PROGRAM GOTONG ROYONG KHIDMAT MASYARAKAT DARIPADA PERGERAKAN BELIA INSPIRASI**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5409-program-gotong-royong-khidmat-masyarakat-daripada-pergerakan-belia-inspirasi](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5409-program-gotong-royong-khidmat-masyarakat-daripada-pergerakan-belia-inspirasi)

SUBANG, 7 Sep 19 - Seramai 47 orang anggota belia Pergerakan Belia Inspirasi (PBI) telah terlibat dengan program khidmat masyarakat yang berupa aktiviti gotong-royong bersama para guru sekolah KAFA di Bangunan Sekolah KAFA Intergrasi Al-Huda, Pangkalan Udara Subang.

Menurut Presiden PBI, En Mark Yogaraj s/o Kunasegar pergerakan ini merupakan salah satu badan operasi bagi Program Anugerah Remaja Perdana yang telah mengharumkan nama negara apabila mendapat tempat kelima di peringkat antarabangsa. Oleh itu, aktiviti ini merupakan salah satu elemen yang penting dalam usaha mengekalkan tahap pencapaian mereka selain daripada penerapan pembangunan diri remaja dalam aspek patriotisme, kesukerelawan dan jati diri bagi pembentukan modal insan yang mampan. Tambah beliau lagi, PBI merupakan satu-satunya pergerakan yang mempunyai hubungan rapat dengan pihak ATM.

Program selama setengah hari ini berakhir dengan sesi lawatan ke No 22 Skn dengan melawat pesawat A400M dan turut disertai oleh Ketua Cawang Tadbir, Lt Kol Amrul bin Yacob TUDM dan Pegawai Pendidikan selaku pegawai penyelaras program, Mej Norhayati bt Hamzah.



